

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BILANGAN 2 TAHUN 2025
JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
(JKPTG)**

Tarikh : 24 Julai 2025 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Sri Menanti
Aras 4, Podium 1
Menara PETRA
Pengerusi : YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan
Kehadiran : (seperti di Lampiran 1)

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ke Mesyuarat MBJ JKPTG Bilangan 2 Tahun 2025.
- 1.2. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli MBJ JKPTG yang baharu iaitu:
 - i. Puan Hasnani binti Ayub Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N2 daripada Bahagian Pengurusan Pusaka; dan
 - ii. Encik Muhammad Firdaus bin Shafie Pembantu Tadbir (P/O) Gred N2(TBK) daripada Pejabat Pembahagian Pusaka Melaka
- 1.3. YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan terima kasih kepada mantan ahli-ahli MBJ JKPTG yang telah bertukar keluar seperti berikut:

- i. Encik Muhammad Rosli bin Muhammad Ja'afar, mantan Pengarah Bahagian Pengambilan Tanah dan Projek Khas yang telah bertukar ke Kementerian Kemajuan Wilayah dan Desa;
 - ii. Puan Azelah binti Kamaludin yang bertukar keluar daripada Bahagian Digitalisasi Pentadbiran Tanah ke Jabatan Insolvensi Malaysia; dan
 - iii. Puan Rabia'tul binti Mohamad, yang bertukar keluar daripada Pejabat Pembahagian Pusaka Melaka ke Pejabat Tenaga Kerja Melaka.
- 1.4. YBhg. Datuk Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara berikut:

1.4.1. Pelaksanaan Penilaian Prestasi Myperformance Bagi Pertengahan Tahun 2025

- a) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui pemakluman surat edaran kepada semua Agensi Kerajaan pada 2 Julai 2025 telah menetapkan bahawa kekerapan bilangan minimum pelaksanaan penilaian prestasi tahun 2025 telah ditetapkan kepada dua (2) kali iaitu:
 - a. penilaian pertengahan tahun dibuat antara 15 Julai hingga 31 Julai 2025; dan
 - b. penilaian akhir tahun dibuat antara 1 Januari – 31 Januari tahun 2026.
- b) Sehubungan itu, semua warga kerja JKPTG hendaklah mengemas kini pencapaian prestasi Sub SKU dan maklumat penglibatan dan sumbangan dalam sistem HRMIS masing-masing sebelum penilaian dan pemberian markah dibuat oleh setiap penyelia sebelum 31 Julai 2025.

- c) YBhg. Datuk Pengerusi juga mohon semua Bahagian dan JKPTG Negeri serta warga kerja JKPTG bagi membuat penilaian dan semakan pertengahan tahun bagi sasaran kerja Sub SKU sama ada perlu perubahan sasaran atau kekal dengan sasaran kerja yang telah ditetapkan pada awal tahun.

1.4.2. Program Semarak Merdeka JKPTG 2025

- a) Sempena bulan kemerdekaan tahun 2025, JKPTG akan mengadakan satu Program Merdeka *Beach Walk* dan Program Kutip Sampah dan Beriadah (KUDAH) di Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini bertujuan bagi menyemarakkan semangat kemerdekaan dan cintakan tanah air sempena bulan kemerdekaan selain menceriakan keindahan dan kebersihan pantai di Port Dickson.
- b) Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama antara Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), JKPTG Negeri Sembilan, JKPTG WP Kuala Lumpur, JKPTG Selangor, JKPTG Melaka dan JKPTG Johor. Kerjasama daripada semua pihak amat diharapkan bagi menjayakan program ini.

1.4.3. Sambutan Hari Tanah Negara Tahun 2025

- a) Hari Tanah Negara Ke-9 bagi tahun 2025 akan diadakan pada 22 – 23 September 2025 bertempat Auditorium JAKIM Putrajaya.
- b) Majlis Perasmian Hari Tanah Negara Ke-9 dan Persidangan Tanah Persekutuan akan diakan pada 22 September 2025 dan akan dirasmikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara manakala Persidangan Penolong Pegawai Tanah akan

diadakan pada 23 September 2025 dengan penyertaan seramai 300 orang Penolong Pegawai Tanah.

1.4.4. Penghayatan Konsep Malaysia Madani

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memohon semua warga JKPTG disarankan untuk menghayati dan mengamalkan konsep Malaysia Madani dalam urusan perkhidmatan kepada masyarakat menerusi enam (6) nilai teras Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

2. PERUTUSAN NAIB PENERUSI

- 2.1. YBrs. Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat serta mengalu-alukan kehadiran dua (2) wakil Pihak Pekerja yang baharu.
- 2.2. YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan Pihak Pekerja telah mengambil inisiatif membincangkan hala tuju berhubung usul daripada Pihak Pekerja untuk menganjurkan program *team building*.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat MBJ Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan **Bilangan 1 Tahun 2025** yang diadakan pada **20 Februari 2025** disahkan tanpa pindaan.

4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Penggunaan gambar rasmi Jabatan dan Direktori JKPTG

(Perutusan Naib Pengerusi: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2025)

- 4.1.1 Perolehan bagi Penambahbaikan Intranet termasuk Sistem Direktori Kakitangan JKPTG telah selesai melalui proses Penilaian Teknikal Sebut Harga pada 12 Jun 2025 dan seterusnya sedang menunggu syor Jawatankuasa Kewangan Sebut Harga.

Makluman

4.2 Cadangan Pindaan Perlembangan MBJ JKPTG

(Perutusan Naib Pengerusi: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2025)

- 4.2.1 Pihak urus setia MBJ telah menerima Kelulusan Pindaan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) pada 22 Ogos 2024;
- 4.2.2 Walau bagaimanapun, pihak urus setia perlu mengangkat cadangan pindaan perlembagaan MBJ semula susulan kelulusan cadangan penstrukturan semula Jabatan yang melibatkan perubahan nama Bahagian;
- 4.2.3 Semua Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja yang hadir ke mesyuarat telah bersetuju cadangan pindaan Perlembagaan MBJ yang dikemukakan sepertimana di **Lampiran 3** dan akan dikemukakan kepada pihak JPA untuk kelulusan selanjutnya.

Makluman

4.3 Masalah Sistem MyLand dan Kualiti Khidmat Sokongan Vendor

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2024)

4.3.1 BDPT telah mengambil inisiatif untuk mengadakan mesyuarat pemantauan secara berkala bagi mendapatkan maklum balas pengguna JKPTG berkenaan status prestasi Sistem MyLAND bagi tiga (3) modul utama sistem iaitu Modul Pengambilan Tanah, Modul Penguakasa dan Hasil Persekutuan & Modul Harta Tanah Persekutuan. Mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- (i) Mesyuarat Pelaksanaan dan Pemantuan Prestasi Sistem MyLAND Bil 1/2025 – 20 Mei 2025;
- (ii) Mesyuarat Pelaksanaan dan Pemantuan Prestasi Sistem MyLAND Bil 2/2025 – 19 Jun 2025; dan
- (iii) Mesyuarat Pelaksanaan dan Pemantuan Prestasi Sistem MyLAND Bil 3/2025 – 29 Julai 2025

4.3.2 BDPT juga telah menganjurkan Mesyuarat Pengesahan Fasa FAT bagi Modul Pembahagian Pusaka pada 12 – 13 Julai 2025 bagi memastikan semua penyelesaian ralat dan CR bagi modul ini telah dilaksanakan dengan sempurna; dan

4.3.3 YBhg. Datuk Pengerusi memohon pemantauan prestasi sistem diteruskan dengan sewajarnya.

Makluman

4.4 Pelaksanaan Program Bina Daya Tahan (*Resilience*) dan Pengekalan Motivasi Pegawai Dan Kakitangan Dalam Mendepani Cabaran Bekerja

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.3 Tahun 2024)

4.4.1 YBhg. Datuk Pengerusi telah bersetuju dengan cadangan pengisian yang dikemukakan oleh Pihak Pekerja dalam Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2025;

4.4.2 BKP akan menyalurkan peruntukan dengan jumlah RM30,000.00 bagi setiap program;

4.4.3 Pihak Pekerja memohon jasa baik pihak BKP (Unit Pembangunan Modal Insan) untuk menyediakan Kertas Kelulusan Program disebabkan mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam penyedia kursus dan latihan Jabatan. Manakala Pihak Pekerja boleh dan bersedia untuk menjadi Jawatankuasa atau Urus Setia program bersama iaitu seperti mana yang telah dimaklumkan dalam mesyuarat terdahulu. Cadangan lokasi-lokasi program oleh pihak MBJ iaitu:

- (i) Taman Negara, Kuala Tahan;
- (ii) Escape Penang;
- (iii) OE Resort – Mantin, N.Sembilan;
- (iv) Summer Bay Resort - Pulau Lang Tengah, Terengganu;
- (v) Pangkor Laut Resort - Pangkor, Perak; atau
- (vi) Embun Resort - Kampung Sahom, Kampar, Perak.

4.4.4 Walau bagaimanapun UPMI telah mempunyai komitmen dengan penganjuran pelbagai kursus / latihan generik di peringkat Jabatan sepanjang tahun 2025 selain melaksanakan tugas hakiki di peringkat unit (peperiksaan dan lain-lain); dan

- 4.4.5 Sehubungan itu, Pihak Pekerja disarankan untuk mengambil peluang ini untuk menimba pengalaman selaku penganjur program termasuklah menyediakan kertas permohonan penganjuran latihan/ program serta merangka pengisian program berdasarkan objektif yang ingin dicapai oleh Pihak Pekerja sendiri.

Tindakan: Pihak Pekerja

4.5 Bekalan Pakaian Keperluan Tugas (PKT) Bagi Pembantu Khidmat Am (PKA) Gred H1

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2025)

- 4.5.1 JPA telah mengemukakan maklum balas secara e-mel bertarikh 20 Februari 2025 yang menyatakan bahawa JPA secara prinsipnya tiada halangan ke atas usul ini memandangkan tidak berbangkit isu kelulusan berhubung pemberian kemudahan PKT kepada PKA. Pihak JKPTG selaku Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dalam memastikan bahawa jumlah pembekalan PKT berdasarkan dasar semasa yang berkuat kuasa iaitu maksimum tiga (3) pasang pakaian dan/ atau dua (2) pasang kasut;
- 4.5.2 Walau bagaimanapun, usul pembekalan ini adalah tertakluk kepada kelulusan reka bentuk dari Jawatankuasa Penyelarasan Pakaian Seragam bagi Pegawai Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun yang diurusetiaikan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri; dan
- 4.5.3 Sehubungan itu, sekiranya diluluskan oleh BIUPA, BKP akan membuat perolehan pakaian seragam PKA termasuk sehelai jaket hitam bagi JKPTG Ibu Pejabat, manakala JKPTG Negeri selaku PTJ negeri akan membuat perolehan untuk PKA di negeri masing-masing pada tahun 2026.

Makluman

4.6 Penyelarasan Takwim/ Kalender Program di JKPTG

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2025)

4.6.1 BKP dengan kerjasama BDPT telah mengadakan Sesi *Hands-On* Mengenai Tatacara Pengisian Jadual Perancangan Mesyuarat/ Program/ Bengkel Menggunakan Akaun 'Takwim JKPTG' kepada Setiausaha Pejabat Pengarah JKPTG pada 10 April 2025 yang bertujuan untuk memberi latihan secara amali kepada Setiausaha Pejabat mengemas kini perancangan mesyuarat/ program/ bengkel bagi Pengarah masing-masing terutamanya bagi mesyuarat/ program/ bengkel yang melibatkan YBhg. Datuk KPTG supaya tidak bertindih antara satu sama lain. Semua Setiausaha Pejabat telah mendapat ID akaun G-mail takwim JKPTG dan telah diarahkan untuk mengemas kini jadual perancangan bahagian masing-masing; dan

4.6.2 Sehingga 17 Julai 2025, pengisian takwim kalendar JKPTG adalah sebanyak 100%. Walau bagaimanapun, semua Setiausaha Pejabat Pengarah Ibu Pejabat telah diminta untuk mengemas kini takwim Pengarah masing-masing mengikut keperluan jadual dari semasa ke semasa.

Makluman

4.7 Bekalan Set Baju Hujan Beg dan Dokumen Untuk Pembantu Khidmat Am

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2025)

4.7.1 Pada bulan November 2024, BKP telah mengedarkan baju hujan kepada 76 orang Penghantar Notis (yang kini dikenali sebagai Pembantu Khidmat Am) sebagaimana yang telah diusulkan dalam Mesyuarat MBJ Bil. 2/2024 bertarikh 15 Ogos 2024; dan

- 4.7.2 Sehubungan itu, pada tahun 2025 pula, BKP telah mengangkat kelulusan YBhg. Datuk KPTG mengenai pembekalan beg dokumen kepada PKA JKPTG yang telah ditugaskan untuk menghantar notis, dokumen atau surat rasmi. Melalui kaji selidik yang telah dibuat pada 25 Jun hingga 11 Julai 2025, sebanyak 102 orang PKA JKPTG yang telah ditugaskan untuk menghantar notis, YBhg. Datuk KPTG melalui minit ceraihan bertarikh 17 Julai 2025 telah meluluskan perolehan beg dokumen kepada 102 orang PKA tersebut. Perolehan pembekalan beg dokumen di JKPTG Negeri akan diuruskan oleh PTJ masing-masing.

Makluman

4.8 Keperluan Perabot dan Kelengkapan Pejabat di Pejabat Pembahagian Pusaka di Negeri Terengganu

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2025)

4.8.1 Status pelaksanaan kerja-kerja adalah seperti berikut:

- (i) Pemasangan *carpet tile* dan *roller blind* sedang dilaksanakan;
- (ii) JKPTG Terengganu akan melaksanakan perbincangan berhubung pemasangan *partition* dengan kontraktor yang dilantik dalam masa terdekat; dan
- (iii) Pemindahan kerusi pejabat daripada JKPTG Pahang ke JKPTG Terengganu telah selesai dilaksanakan.

Makluman

4.9 Tuntutan Pembelian Kasut Oleh Pembantu Khidmat Am

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2025)

4.9.1 BKP melalui surat edaran bertarikh 5 Januari 2024 telah mengedarkan Garis Panduan Pembayaran Kemudahan Bekalan Kasut bagi Pegawai Perkhidmatan Awam di JKPTG yang jelas menyatakan mengenai panduan dan kaedah bayaran kasut iaitu diakaunkan secara terus ke dalam akaun pegawai yang layak dengan kadar maksimum setahun sebagaimana pindaan dalam Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 2.3 – Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan Dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2023. Pegawai yang menerima kemudahan tersebut juga perlu menandatangani borang pengesahan pembelian kasut yang telah disediakan dalam garis panduan tersebut sebagai bukti pembelian kasut telah dibuat; dan

4.9.2 Sehubungan itu, pada tahun 2025 pula, BKP telah mengangkat kelulusan YBhg. Datuk KPTG mengenai pembekalan beg dokumen kepada Pembantu Khidmat Am (PKA) JKPTG yang telah ditugaskan untuk menghantar notis/dokumen/surat rasmi. Melalui kaji selidik yang telah dibuat pada 25 Jun hingga 11 Julai 2025, sebanyak 102 orang PKA JKPTG yang telah ditugaskan untuk menghantar notis. YBhg. Datuk KPTG melalui minit ceraihan bertarikh 17 Julai 2025 telah meluluskan perolehan beg dokumen kepada 102 orang PKA tersebut. Perolehan pembekalan beg dokumen di JKPTG Negeri akan diuruskan oleh PTJ masing-masing.

Makluman

5. PEMBENTANGAN USUL PIHAK PEKERJA

YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan bahawa Pihak Pekerja telah bersidang pada 4 Julai 2025 dan telah sebulat suara mengemukakan usul seperti berikut untuk pertimbangan:

5.1. KEWANGAN DAN KEMUDAHAN

5.1.1. Kemudahan Mesin Fotostat Dan Pencetak

- 5.1.1.1. Kemudahan mesin fotostat dan pencetak bagi kegunaan rasmi harian yang baru ditukar baru-baru ini menyukarkan tugas pegawai dan kakitangan Pejabat Pembahagian Pusaka. Cetakan dokumen melalui Sistem MyLand, cetakan notis bicara, cetakan perintah memerlukan penggunaan mesin fotostat yang kerap;
- 5.1.1.2. Pembekalan satu (1) unit sahaja mesin untuk kegunaan Pejabat Pembahagian Pusaka telah menyukarkan tugas harian kerana spesifikasi mesin pencetak yang tidak *heavy duty* menyebabkan kekerapan kehabisan toner akibat penggunaan yang tinggi untuk mencetak dokumen oleh pegawai;
- 5.1.1.3. Sehubungan itu, Pihak Pekerja memohon pertimbangan segera agar dibekalkan tambahan mesin fotostat, pencetak dan toner yang mencukupi dan berkapasiti *heavy duty* bagi kelancaran tugas harian;

- 5.1.1.4. Pihak BKP memaklumkan urusan penyediaan mesin fotostat dan pencetak adalah di bawah tanggungjawab Pentadbiran PTJ masing-masing. Perancangan perolehan dan spesifikasi keperluan sebenar hendaklah dibuat secara menyeluruh untuk keperluan di PTJ berkenaan termasuk Pejabat Pembahagian Pusaka daerah dalam penyediaan kontrak sewaan mesin fotostat dan pencetak. Sekiranya terdapat keperluan tambahan unit bagi kontrak sedia ada, perkara ini boleh dirujuk kepada Unit Perolehan BKP bagi penyelarasan kontrak;
- 5.1.1.5. Walau bagaimanapun, satu (1) PTJ tidak boleh mempunyai dua (2) kontrak sewaan mesin fotostat yang berbeza kerana ianya boleh dianggap pecah kecil perolehan;
- 5.1.1.6. Cadangan pembelian mesin fotostat dan mesin pencetak sebagai aset Jabatan tidak praktikal untuk dilaksanakan kerana terdapat isu penyelenggaraan yang perlu diambil kira. Dalam hal ini, perolehan secara kontrak sewaan seperti mana yang sedang dilaksanakan adalah lebih praktikal; dan
- 5.1.1.7. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk menyemak terma kontrak sewaan mesin fotostat sama ada dibenarkan untuk menamatkan kontrak lebih awal daripada tempoh sebenar sekiranya telah mencapai had kuantiti yang ditetapkan.

Tindakan: BKP

5.2. PENTADBIRAN

5.2.1. Penganjuran Kursus Pada Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan Atau Hari Kelepasan Am

5.2.1.1. Pihak Pekerja memohon penganjur bengkel atau kursus untuk membuat perancangan yang baik daripada segi pemilihan tarikh program dan tidak menganjurkan bengkel/kursus pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am sekiranya tiada keperluan yang mendesak;

5.2.1.2. Berdasarkan semakan Pihak Pekerja, antara bengkel/ kursus yang telah diadakan pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am seperti berikut:

(i) Bengkel Pemurnian Jadual Pelupusan Rekod Fungsian JKPTG pada 11 hingga 13 Februari 2025 (hari kelepasan am Thaipusam);

(ii) Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) pada 12 Jun – 14 Jun 2025 (hari rehat mingguan);

(iii) Kursus Pemantapan Pengurusan Rekod Efisien JKPTG pada 15 Jun – 17 Jun 2025 (hari kelepasan mingguan); dan

(iv) Kursus Kesetiausahaan Pejabat pada 3 – 5 Julai 2025 (hari rehat mingguan).

- 5.2.1.3. Pihak Pekerja memohon pertimbangan sekiranya keperluan mendesak dan tidak dapat dielakkan untuk diadakan pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am maka pegawai yang terlibat dibenarkan untuk Cuti Tanpa Rekod atau Cuti Gantian;
- 5.2.1.4. Pihak Pekerja juga memohon dipertimbangkan kehadiran secara atas talian bagi pegawai daripada Negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah sekiranya mesyuarat diadakan pada hari Jumaat;
- 5.2.1.5. Pihak BKP memaklumkan pemilihan tarikh pelaksanaan bengkel/ kursus adalah tertakluk pada kelapangan jadual oleh pihak penceramah. Selain itu, urus setia juga perlu mempertimbangkan implikasi yang akan timbul sekiranya peserta bengkel/ latihan merupakan pegawai yang menjalankan tugas di kaunter. Ketiadaan pegawai di pejabat sehingga tiga (3) hari bekerja akan mengganggu kelancaran operasi pejabat terutamanya yang melibatkan jadual tugas kaunter;
- 5.2.1.6. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan berdasarkan pemerhatian, pelaksanaan bengkel/ kursus pada kedua-dua hari Sabtu dan Ahad adalah sangat jarang berlaku kecuali tarikh penganjuran bengkel/ kursus tersebut telah dipersetujui oleh penganjur dan peserta program; dan

- 5.2.1.7. YBhg. Datuk Pengerusi juga menjelaskan secara dasarnya, tiada kemudahan Cuti Tanpa Rekod yang diperuntukkan kepada pegawai yang menghadiri bengkel/ kursus pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am. Manakala Cuti Gantian diberikan kepada pegawai yang diarahkan menjalankan tugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am tetapi tidak berkecualan mendapat bayaran lebih masa atau sebarang bayaran khas lain.

Makluman

5.2.2. Kemudahan Lot Parkir Bagi Pegawai Gred 48 Khas Untuk Penyandang (KUP)

- 5.2.2.1. Pihak Pekerja memohon dipertimbangkan pegawai Gred 48 (KUP) untuk diperuntukkan lot parkir khas sepertimana pegawai Gred 48 (hakiki) ke atas; dan
- 5.2.2.2. BKP memaklumkan Bahagian Pentadbiran Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) tidak dapat mempertimbangkan permohonan ini kerana parkir yang terhad di Menara PETRA. Buat masa ini, jumlah lot parkir khas yang diperuntukkan untuk JKPTG hanya boleh menampung keperluan parkir pegawai Gred 48 (hakiki) dan ke atas sahaja.

Makluman

5.3. SUMBER MANUSIA

5.3.1. Cadangan Penyambungan Perkhidmatan *Contract of Service* (COS) Jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Di Bahagian Pengurusan Pusaka

5.3.1.1. Pihak Pekerja mencadangkan penyambungan kontrak perkhidmatan bagi jawatan Pembantu Tadbir lantikan kontrak COS yang telah berkhidmat dengan cemerlang, berpengalaman luas serta telah menjalankan tugas-tugas pentadbiran pusaka secara berterusan dan kompeten yang akan tamat tempoh pada 2 Januari 2026;

5.3.1.2. Pihak Pekerja berpandangan adalah wajar sekiranya penyambungan ini diberi keutamaan kepada pegawai-pegawai kontrak COS sedia ada yang memenuhi syarat perkhidmatan dan prestasi, sebelum kekosongan tersebut ditawarkan kepada calon luar melalui pengambilan terbuka. Langkah ini bukan sahaja menjimatkan masa dan kos latihan, malah mengiktiraf sumbangan dan kesetiaan pegawai sedia ada, selari dengan prinsip meritokrasi dan kelangsungan perkhidmatan yang cekap; dan

5.3.1.3. Pihak BKP memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT) Bilangan 16 Tahun 2024 pada 3 Februari 2025 telah bersetuju supaya perkhidmatan COS sedia ada di JKPTG yang melibatkan 50 perjawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N1 ditamatkan. Oleh yang demikian, tiada pelantikan baharu atau penyambungan kontrak COS akan diluluskan.

Makluman

5.3.2. Cadangan Penyerapan Pegawai Tadbir Lantikan *Contract of Service* (COS) Di Bahagian Pengurusan Pusaka

5.3.2.1. Pihak Pekerja mencadangkan Pegawai Tadbir lantikan kontrak COS di Bahagian Pengurusan Pusaka diserap ke jawatan tetap berdasarkan asas berikut:

- a) Tempoh perkhidmatan tiga (3) tahun secara berterusan;
- b) Prestasi cemerlang dan rekod bebas tindakan tatatertib;
- c) Menggunakan mekanisme *one-off* atau skim khas pengesahan lantikan tetap seperti yang pernah dilaksanakan kepada kontrak perubatan (Kementerian Kesihatan Malaysia) atau personel MySTEP tertentu; dan
- d) Memberi pengecualian kelayakan tertentu berdasarkan pengalaman kerja.

5.3.2.2. Bagi memastikan proses penyerapan berjalan adil dan efisien, Pegawai Tadbir lantikan kontrak COS yang ingin diserap melalui skim khas ini tidak perlu menduduki penilaian psikometrik sebagaimana yang diwajibkan kepada calon baharu;

5.3.2.3. Pihak BKP memaklumkan mesyuarat bersama pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah diadakan pada 11 April 2025 dan hasrat jabatan untuk melantik Pegawai Tadbir Gred N9 lantikan kontrak perkhidmatan COS sedia ada tanpa melalui ujian psikometrik telah dibincangkan bersama pihak SPA. Pihak SPA telah memberikan maklum balas bahawa semua calon yang memohon untuk dilantik secara

tetap dalam perkhidmatan awam hendaklah melalui tapisan syarat skim perkhidmatan, ujian psikometrik dan temuduga; dan

5.3.2.4. Selanjutnya, permohonan pengisian bagi 47 jawatan kosong Pegawai Tadbir Gred N9/N10 telah dikemukakan kepada pihak SPA pada 2 Mei 2025. Ahli suruhanjaya telah bersidang pada 26 Jun 2025 dan memutuskan bahawa semua calon yang memohon untuk mengisi 47 jawatan Pegawai Tadbir Gred N9/N10 di JKPTG dikehendaki melalui semua fasa saringan termasuk ujian psikometrik. SPA tidak dapat memberikan kelulusan kelonggaran syarat seperti yang dimohon oleh pihak JKPTG.

Makluman

5.3.3. Urusan Pertimbangan Pemangkuan Pegawai Tadbir Gred N9 ke Gred N10 (Fleksi) Di JKPTG

5.3.3.1. Jabatan telah menerima perjawatan baharu daripada JPA susulan kelulusan cadangan penstrukturan semula Jabatan. Bahagian Pengambilan Tanah dan Projek Khas (BPTPK) telah menerima dua (2) jawatan baharu Pegawai Tadbir Gred N9/N10 dan Bahagian Pengurusan Pusaka (BPP) telah menerima sebanyak 47 jawatan baharu Pegawai Tadbir Gred N9 /N10;

5.3.3.2. Susulan itu, Jabatan telah merancang urusan pemangkuan Pegawai Tadbir Gred N9 ke Gred N10 (Fleksi) bagi mengisi dua (2) kekosongan jawatan Pegawai Tadbir Gred N9/N10 di BPTPK. Berdasarkan semakan susunan kekananan seramai 29 orang pegawai layak memohon dalam urusan ini, walau

bagaimanapun hanya 10 pegawai yang mengemukakan permohonan;

5.3.3.3. Pihak Pekerja memohon pertimbangan daripada pihak pengurusan mengenai hala tuju dan laluan kerjaya bagi 27 pegawai lain yang tidak berjaya untuk mengisi dua (2) kekosongan jawatan Pegawai Tadbir Gred N9/N10 di BPTPK. Pihak Pekerja memohon pertimbangkan sekiranya pegawai tersebut boleh dipertimbangkan bagi mengisi 47 kekosongan jawatan Pegawai Tadbir Gred N9/N10 di Bahagian Pengurusan Pusaka; dan

5.3.3.4. Pegawai Tadbir dalam skim perkhidmatan tertutup boleh dinaikkan pangkat ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama walaupun di penempatan yang berbeza, dengan syarat masih dalam perkhidmatan tertutup yang sama. Oleh yang demikian, urusan kenaikan pangkat yang melibatkan pengisian jawatan gred kenaikan pangkat jawatan Pegawai Tadbir antara BPP dan BPTPK masih boleh dijalankan.

Makluman

5.3.4. Permohonan pertambahan kakitangan di Pejabat Pembahagian Pusaka Negeri/ Daerah

5.3.4.1. Pejabat Pembahagian Pusaka Kuala Selangor memohon pertimbangan pertambahan dua (2) jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi);

5.3.4.2. Pejabat Pembahagian Pusaka Melaka memohon pertimbangan pertambahan empat (4) jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), satu (1)

jawatan Pembantu Khidmat Am (PKA) dan dua (2) personel MySTEP bagi urusan kaunter dan khidmat pelanggan. Terdahulu terdapat beberapa Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Unit Petugas Khas yang ditempatkan di PPP Melaka, walau bagaimanapun pegawai tersebut telah diarahkan untuk bertukar ke Unit Pengambilan Tanah, JKPTG Melaka;

5.3.4.3. YBhg. Datuk Pengerusi menjelaskan perjawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) di BPTPK telah dipukalkan di Ibu Pejabat bagi memudahkan mobiliti pegawai berdasarkan keperluan operasi. Penempatan sementara pula akan disusun berdasarkan tempoh yang diperlukan dan keperluan operasi sama ada penugasan pembahagian pusaka atau pengambilan tanah; dan

5.3.4.4. Dalam hal ini, YBhg. Datuk Pengerusi memohon BPP untuk melihat semula keperluan penempatan dan jadual perancangan tugas Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) di PPP Negeri/ Daerah secara menyeluruh. Manakala personel MySTEP sedia ada boleh dilantik semula sekiranya mempunyai Jabatan mempunyai peruntukan yang mencukupi.

Tindakan: BPP

6. HAL – HAL LAIN

Pihak Pekerja menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai perkara-perkara berikut :

6.1 Hebahan Kepada Orang Awam Mengenai Sistem MyLand

6.1.1 Pihak Pekerja memohon pihak pengurusan untuk melaksanakan hebahan mengenai Sistem MyLand yang telah mula digunakan bagi urusan orang awam di JKPTG. Langkah ini adalah penting untuk memastikan orang awam mendapat informasi yang tepat dan terkini serta dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam; dan

6.1.2 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan perancangan promosi dan hebahan Sistem MyLand akan dilaksanakan oleh Unit Komunikasi Korporat Jabatan.

Makluman

6.2 Pertambahan Perjawatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG Negeri Perak

6.2.1 Wakil JKPTG Negeri Perak memaklumkan dua (2) perjawatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG Negeri Perak telah dipindah butiran ke Negeri lain menjadikan jumlah perjawatan Penolong Pegawai Tanah sedia ada adalah lima (5). Dalam hal ini, JKPTG Negeri Perak memohon pertimbangan pihak pengurusan untuk menambah perjawatan Penolong Pegawai Tanah kepada jumlah asal iaitu tujuh (7). Ini adalah berdasarkan beban tugas yang tinggi di Negeri Perak iaitu melibatkan 14 daerah serta perlu menyelesaikan proses pengambilan tanah bagi lapan (8) projek; dan

- 6.2.2 YBhg. Datuk Pengerusi mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Pengarah Negeri di peringkat Mesyuarat Pengurusan JKPTG.

Makluman

6.3 Arahan Penutupan Kaunter Pejabat Untuk urusan Rasmi Pada Waktu Rehat

- 6.3.1 Wakil Bahagian Pengurusan Pusaka (BPP) memohon pertimbangan pihak pengurusan mengenai cadangan waktu terakhir menerima pelanggan sebelum waktu rehat dihadkan sehingga 12.30 tengah hari; dan
- 6.3.2 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan BKP pada 18 Disember 2023 telah membuat edaran pemakluman mengenai kelulusan penutupan perkhidmatan kaunter JKPTG semasa waktu rehat tengah hari bermula 2 Januari 2024. Semua Bahagian/ Negeri dimohon untuk melaksanakan fungsi kaunter sebagai mana masa yang telah ditetapkan.

Makluman

7. PENUTUP

- 7.1 YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada semua ahli-ahli MBJ yang hadir ke mesyuarat dan mengingatkan semua ahli mesyuarat supaya menyokong dasar Kerajaan sedia ada dan tidak melibatkan diri dalam perkara-perkara yang menyalahi Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).
- 7.2 Mesyuarat ditangguhkan jam 11.45 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat MBJ JKPTG
Bahagian Khidmat Pengurusan
7 Ogos 2025

Disemak oleh:


.....
Abd Rahim bin Abd Razak
Setiausaha Pihak Pegawai
Tarikh: 13 Ogos 2025


.....
Nazatul Shima binti Ismail
Setiausaha Pihak Pekerja
Tarikh: 11 Ogos 2025

Lampiran 1

SENARAI KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

- | | |
|---|--------------|
| 1. YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan | - Pengerusi |
| 2. YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Penyelarasan dan Operasi | |
| 3. Encik Baharuddin bin Aziz
Pengarah
Bahagian Pengurusan Pusaka | |
| 4. Encik Lee Teck Chiang
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan | |
| 5. Encik Abd Rahim bin Abd Razak
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan | - Setiausaha |

PIHAK PEKERJA

- | | |
|---|---------------------|
| 1. Puan Yati binti Musa
Penolong Pengarah
Bahagian Dasar dan Konsultasi | - Naib
Pengerusi |
| 2. Puan Nazatul Shima binti Ismail
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan | - Setiausaha |
| 3. Puan Salfaryna binti Mohd Soofi
Penolong Pengarah (Unit Petugas Khas)
JKPTG Negeri Selangor | |
| 4. Encik Roslan bin Md Mohdin
Penolong Pengarah (Unit Petugas Khas)
JKPTG WP Kuala Lumpur | |
| 5. Encik Ahmad Kamal Arif bin Mohamad
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
JKPTG Negeri Sembilan | |

6. Encik Anwar Tajuddin bin Ismail
Penolong Pegawai Tanah
Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum
7. Puan Dayang Zaleha binti Abang Jawi Mostapha
Penolong Pegawai Tanah
JKPTG Negeri Sarawak
8. Encik Mohd Talha bin Ibrahim
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan
9. Puan Nor Fadhilah binti Dollah
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Pengurusan Pusaka
10. Puan Hasnani binti Ayub
Pembantu Setiausaha Pejabat
Bahagian Pengurusan Pusaka
11. Encik Muhamad Faisal Bin Ab Hamid
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
JKPTG Negeri Selangor
12. Encik Muhammad Firdaus bin Shafie
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Pejabat Pembahagian Pusaka Melaka
13. Encik Muhammad Azhari bin Ab Roni
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Pejabat Pembahagian Pusaka Kedah
14. Encik Mohd Luqman bin Mohd Nasib
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Pejabat Pembahagian Pusaka Pulau Pinang
15. Puan Norhayati bin Che Wil
Pelukis Pelan
JKPTG Negeri Kelantan
16. Encik Hasan bin Ali
Pembantu Khidmat Am
Pejabat Pembahagian Pusaka Perlis
17. Encik Noor Shahrir bin Noor Yusof
Pembantu Khidmat Am
Bahagian Pengurusan Tanah Persekutuan
18. Encik Ahmad Shukree bin Taha
Pembantu Khidmat Am
Pejabat Pembahagian Pusaka Terengganu

19. Encik Mohd Syahrin bin Adnan
Pembantu Khidmat Am
JKPTG Negeri Perak
20. Encik Maslie bin Meli
Pembantu Khidmat Am
JKPTG Negeri Sabah

TURUT HADIR

1. Puan Suraya binti Jemari
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Encik Kamarul Izwad Bin Che Kamarudin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengambilan Tanah dan Projek Khas
3. Puan Ruzaimah binti Latif
Penolong Pengarah
Bahagian Digitalisasi dan Pentadbiran Tanah
4. Puan Nur Hazwani binti Hashim
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Puan Zurita binti Zainuddin
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Encik Muhammad Hazim Azmi bin Mohd Sari
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Cik Izyan Aziza binti Ismail @ Aziz
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**
8. Puan Khairiahni binti Mokhtar
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**
9. Puan Norzita binti Mohd Nor
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PEGAWAI

1. YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi
Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan
2. Encik Nurul Azuan bin Abdullah
Pengarah
Bahagian Pengambilan Tanah dan Projek Khas
3. Encik Muhammad Heeza bin Hassan
Pengarah
Bahagian Digitalisasi dan Pentadbiran Tanah
4. Encik Shamsul Arshad Bin Abd Razak
Pengarah
JKPTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

PIHAK PEKERJA

1. Encik Md Jafri bin Joalis
Penolong Pegawai Tanah
JKPTG Negeri Johor
2. Puan Rosni bin Ahmad
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Pejaba Pembahagian Pusaka Pahang

Lampiran 2

PENGKELASAN DAN STATUS PENYELESAIAN ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM MINIT MESYUARAT
MBJ BIL. 1 TAHUN 2025 BAGI JKPTG

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
1	KEMANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	-	-	1.	KEMANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	1	Kemudahan Mesin Fotostat Dan Pencetak
2	PENTADBIRAN	3	- Penggunaan gambar rasmi Jabatan JKPTG - Maafiah Sistem MyLand dan Kualiti Khidmat Sokongan Vendor - Bekalan Pakatan Keperluan Tugas Bagi Pembantu Khidmat Am Gred Ht	-	-	2.	PENTADBIRAN	2	- Penggunaan Kursus Padia Hari Rehat Minggu, Hari Kelengkapan Minggu Atau Hari Kelengkapan Am Kemudahan Lot Parkir Bagi Pegawai Gred 48 Khas Untuk Penyandang (KUP) - Cadangan Penyusunan Perkhidmatan Contract of Service (COS) Jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Di Bahagian Pengurusan Pusaka - Cadangan Penyusunan Pegawai Tadbir Lentikan Contract of Service (COS) Di Bahagian Pengurusan Pusaka	-	-
3	SUMBER MANUSIA	-	Pelaksanaan Program Bina Daya Tahan (Resilience) dan Pengkalan Motivasi Pegawai Dan Kakitangan Dalam Mendepani Cabaran Bekerja	1	-	3.	SUMBER MANUSIA	3	Pemohonan pertambahan kakitangan pejabat Pembahagian Pusaka Negeri Daerah	1	-

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 2 Tahun 2025
Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
									Unsur Perimbangan Pemangku Pegawai Tadris Gred N9 ke Gred N10 (Fleks) Di JKPTG		
4.	KERAJIKAN	-	-	-	-	4.	KERAJIKAN	-	-	-	-
5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-	5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-
6.	LAIN-LAIN	5	- Cadangan pindaan Perlembangan MBSU JKPTG - Penyelaraan Takwim/ Kalender Program di JKPTG - Bekalan Set Baju Hujan Beg dan Dokumen Untuk Pembantu Khidmat Am - Kepertuan Perabot dan Kelengkapan Pejabat di Pejabat Pembahagian Pasaka di Negeri Terengganu - Tunisian - Pembelian Kasut Oleh Pembantu Khidmat Am	-	-	6.	LAIN-LAIN	3	- Hebahkan Kepada Orang Awam Mengenal Sistem MyLand - Perambahan Perjawatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG - Negeri Perak - Arahan Penubuhan Kaurter Pejabat Untuk Unsur Rasmi Pasia Waktu Rehat	-	-
Jumlah ISU		8		1		Jumlah ISU		8		2	

